

SH 17/6/2019 m/s 13
Pemancing tawan empurau di Kanowit

KANOWIT - Seorang pemancing dari Kanowit, Sarawak berjaya menjinakkan raja sungai, empurau seberat 23.6 kilogram (kg) baru-baru ini. Ikan berwarna merah itu kemudian dijual pada harga RM280 sekilo di pasar basah Julau.

Ikan empurau amat terkenal di Sarawak sebagai ikan eksotik dan bernilai kerana ikan ini boleh dijual sehingga RM2,500 sekor.

Ikan empurau berasal daripada keluarga cyprinidae juga dikenali sebagai ikan kelah, merupakan sejenis ikan air tawar.

Ia mendiami sungai yang bersih dan mempunyai arus deras serta dasar sungai berbatu.



Ikan empurau seberat 23.6kg bernilai RM280 sekilogram.

Pada 10 Mac 2016, seorang penjual ikan, Ong Ee Chiang memaklumkan seekor ikan empurau dari Baleh telah dijual pada harga RM7,900.

Dia yang berniaga di hadapan Jeti Belaga itu memberitahu

ikan itu dijual kepada pembeli dari luar Kapit.

Ikan empurau yang paling mahal adalah dari Kapit ke Pelagus di sepanjang Sungai Rajang atau Putai, Sungai Baleh kerana ia memiliki daging yang paling lembut dan harganya berbeza-beza bergantung kepada berat badan.

Faktor harga juga bergantung dengan lokasi ikan berkenaan ditangkap sama ada di Sungai Rajang, Baleh, Katibas atau Balui.

Ada spesies empurau putih dan merah, namun Gred Super AAA ikan ini dimiliki empurau pendek dengan daging putih, yang beratnya antara 5 dan 8 kilogram seekor. - *Suara Sarawak*